

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2017  
 BAHASA MELAYU KERTAS 1  
**GARIS PANDUAN PEMERIKSA**

**A. CARA PEMERIKSAAN**

**BAHAGIAN A**

- Pemeriksaan secara holistik berpandukan kriteria penskoran yang ditetapkan.
- Isi/idea – 3 isi/ idea penting ( tidak termasuk pendahuluan dan penutup ) dan mesti berdasarkan tugas yang diberikan.
- Karangan mesti ditulis dalam jumlah kata yang ditetapkan (antara 200-250pp)
- Karangan yang tidak memenuhi kepanjangan yang ditetapkan tidak boleh dimasukkandalamtahapcemerlang.
- Kesalahan ejaan **tidak** dipotong markah.
- Karangan yang **tiada kata-kata puitis** seperti peribahasa, kata-kata hikmat, cogan kata dan lain-lain - markah maksimum **25 sahaja**.

**BAHAGIAN B:**

- Isi** – bergantung kepada bilangan perkataan dan markah yang ditetapkan. (Minimum 3 isi / idea penting)
- Pemeriksaan secara **impression** berpandukan kriteria yang ditetapkan.
- Jika karangan:
  - a. Kurang 350 patah kata, periksa seperti biasa.
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa sehingga ke akhir karangan.
- Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum **2 markah**.
- Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  **markah** dan pemotongan markah ejaan keseluruhan maksimum **3 markah** sahaja.
- Tiada pemotongan markah ejaan bagi kesalahan berulang.
- Markah bersih / muktamad hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kanan halaman pertama karangan.

Contoh :            Bahagian A : 25 markah  
                       :            Bahagian B : 65 markah  
                       Jumlah        : 88 markah

**Cara menandakesalahanisi, ejaandantandabaca:**

- (     )            = Kesalahanisi
- \_\_\_\_\_        = Kesalahanbahasa, rangkai kata danperkataan
- /                 = Kesalahanejaandanhurufbesar (namakhas)
- //                = Kesalahanejaanberulang
- = Kesalahantandabaca

**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1**  
**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**  
**[30 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKA H	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26-30</b>  (28-30)  (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepat</b> temabahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tandabaca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan).</li> <li>• Idea relevan dengan temabahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<b>20-25</b>  (23-25)  (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepat</b> temabahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tandabaca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan temabahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b>	<b>15-19</b>  (17-19)  (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepat temabahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan tandabaca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan temabahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang memuaskan</b>	<b>10-14</b>  (12-14)  (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangannya <b>kurang</b> menepat temabahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>• Wacannya <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan temabahan rangsangan dan huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>
<b>Pencapaian minimum</b>	<b>01-09</b>  (06-09)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calontidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Banyak</b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> menepat temabahan rangsangan.</li> </ul>

	(01-05)	
--	---------	--

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**  
[100 markah]

**KRITERIA**

KRITERIA	DESKRIPSI
<b>BAHASA (Mekanis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Kegramatisan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kata (morfologi)</li> <li>- Ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>☞ Tandabaca</li> <li>☞ Ejaan</li> </ul>
<b>LARAS (Dinamis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Pilihankosa kata</li> </ul>
<b>IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Tema</li> <li>☞ Isi utama</li> <li>☞ Pengembangan (huraian/bahasa/hujahan/ccontoh)</li> <li>☞ Relevan</li> </ul>
<b>PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Wacana</li> <li>☞ Logik</li> <li>☞ Pemerenggan</li> <li>☞ Format</li> </ul>
<b>GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Keindahanbahasa</li> <li>☞ Ungkapan</li> <li>☞ Peribahasa</li> </ul>

**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1**  
**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**  
**[100 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>  (Atas)  (Bawah)	<b>80 - 100</b>  (90 - 100)  (80 - 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai kata majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan ide yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>  (Atas)  (Bawah)	<b>66 – 79</b>  (73 – 79)  (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan ide yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik (peribahasa, pantun, cogan kata)</li> </ul>
<b>BAIK</b>  (Atas)  (Bawah)	<b>51 – 65</b>  (58 – 65)  (51 -57)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>ayat majmuk</b> gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b>Ejaan dan tanda baca masih betul</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>masih</b> jelas dan contoh <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan masih</b> menarik, dan pemerenggan <b>masih</b> sesuai. <b>Wacana masih</b> lengkap.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>

**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1**  
**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**  
**[100 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>MEMUASKAN</b>	<b>36 – 50</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhadap.</li> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasakurang</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan kurang</b> menarik, pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• Wacana masih/ kurang bervariasi. Penggunaan <b>unsur bahasa kurang</b> bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasakurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul>
(Atas)	(43 – 50)	
(Bawah)	(36 – 42)	
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	<b>21 – 35</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata kurang tepat</b>.</li> <li>• Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan an tanda baca</b> yang <b>ketara</b>.</li> <li>• <b>Idea masih relevan/ idea bercampur aduk</b> dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang lemah.</li> </ul>
(Atas)	(28 – 35)	
(Bawah)	(21 – 27)	
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	<b>01 – 20</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang <b>ketara</b>.</li> <li>• <b>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</b> tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar/tidak difahami</b>.</li> </ul>
(Atas)	(11 – 20)	
(Bawah)	(01 – 10)	

**CADANGAN JAWAPAN PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
BAHASA MELAYU 1 2017**

**BAHAGIAN A**

*Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri pengguna bijak.*

**Tugasan :** Ciri-ciri pengguna bijak

- Idea :**
- membuat perbandingan harga barangan
  - mengutamakan barangan keperluan
  - mengamalkan sikap berjimat cermat

**BAHAGIAN B**

1. Disiplin diri merupakan pemangkin kejayaan pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah.  
Bincangkan.

**Tugasan:** Calon dikehendaki menghuraikan disiplin diri untuk mencapai kejayaan dalam tiga bidang iaitu bidang akademik, bidang kokurikulum dan bidang sahsiah.

**Cadangan Idea :**

1. Kejayaan dalam bidang akademik :
    - Disiplin dalam mengurus masa
    - Disiplin dalam menyiapkan tugas / kerja sekolah
    - Disiplin dalam kelas / ketika belajar
  2. Kejayaan dalam bidang kokurikulum :
    - Disiplin dalam mematuhi arahan guru / jurulatih
    - Disiplin dalam latihan / aktiviti
    - Disiplin dalam kepimpinan
  3. Kejayaan dalam bidang sahsiah :
    - Disiplin dalam menunaikan perintah agama
    - Disiplin dalam melakukan perkara baik
    - Disiplin dalam mentaati suruhan ibu bapa
2. Sebagai ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa memberikan sumbangan yang bermakna demi kemajuan sekolah.  
Huraikan sumbangan-sumbangan tersebut.

**Tugasan :** Calon dikehendaki menghuraikan sumbangan ibu bapa demi kemajuan sekolah.

**Cadangan Idea :**

1. Ibu bapa memberikan sumbangan dalam bentuk motivasi kepada anak-anak
2. Ibu bapa memberikan sumbangan dari segi kepakaran / kemahiran yang dimiliki
3. Ibu bapa memberikan sumbangan dana kepada sekolah.
4. Ibu bapa memberikan sumbangan tenaga dalam aktiviti gotong-royong untuk membangunkan kemudahan / persekitaran sekolah.

5. Ibu bapa bekerjasama menjalankan / mengendalikan program / projek khas untuk membantu sekolah
  
3. Alamsekitar yang berkualitimenjaminkesejahteraanhidupmanusia. Ulaspernyataantersebut.

Tugasan :Calondikehendakimenghuraikancirialamsekitar yang berkualitibagimenjaminkesejahteraanhidupmanusia.

CadanganIdea :

1. Udara yang bersih dan segar
2. Pembuangan sampah sarap yang sistematik
3. Air yang bersih
4. Amalan konsep mesra alam
5. Penanaman pokok
  
4. Kerajaan sentiasa menggalakkan rakyat agar melakukan inovasi iaitu penghasilan produk baharu dan perkhidmatan yang lebih baik.

Jelaskan kepentingan-kepentingan inovasi kepada rakyat dan negara.

Tugasan :Calondikehendakimenghuraikankepentinganinovasikepadarakyatdannegara.

CadanganIdea :

1. Membolehkan sesuatu pekerjaan menjadi lebih mudah
2. Dapat menjimatkan masa
3. Mengurangkan beban kerja
4. Menjamin kualiti yang lebih baik
5. Meluaskan pasaran / memperkenalkan produk di peringkat global
  
5. Sesebuah karyasastera yang bermutu akan menarik minat masyarakat untuk membaca karya tersebut. Bincangkan.

Tugasan :Calondikehendakimenghuraikancirikaryasastera yang bermutu

CadanganIdea :

1. Karya yang meninggalkan kesan yang mendalam pada hati pembaca
2. Jalan cerita yang menarik
3. Gaya bahasa yang indah / mudah difahami
4. Unsur saspens / imaginasi
5. Mempunyai mesej / nilai / pengajaran

### **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**SULIT**



**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017  
ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017**

**1103/2 (PP)**

**Bahasa Melayu**

**Kertas 2**

**Peraturan Pemarkahan**

**Ogos**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak.



**Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>										<b>Markah Maksimum</b>
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

**Soalan 1 : Rumusan**

<b>Pendahuluan</b>	<b>Markah</b>
Petikan membincangkan kepentingan/faedah/kelebihan/manfaat pengambilan minuman berfungsi kepada masyarakat di negara ini/di Malaysia.	2
Rumusan membincangkan kepentingan/faedah/kelebihan/manfaat pengambilan minuman berfungsi kepada masyarakat dan halangan untuk mengambil minuman berfungsi.	2
Petikan membincangkan kepentingan/faedah/kelebihan/manfaat pengambilan minuman berfungsi kepada masyarakat.	1
<b>Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]</b>	
1. Minuman berfungsi berupaya menenangkan	2
2. Membantu menghalang atau merawat penyakit jantung	2
3. Minuman tersebut mampu menurunkan masalah berat badan, kawalan kolesterol, pengurangan tekanan dan peningkatan metabolisme	2
4. Minuman ini dapat meningkatkan kecergasan mental	2
5. Mereka mampu memberi tumpuan ketika belajar	2
6. Minuman yang dihasilkan khusus untuk wanita mengandung atau wanita selepas menopause untuk keseimbangan dalaman	2
7. Membantu golongan remaja dan kanak-kanak bagi mengatasi masalah obesiti	2
8. Meningkatkan kecerdasan mental dan prestasi	2
9. Menambah baik penghidratan semula kanak-kanak kecil.	2
10. Mampu mencantikkan wajah dan mengelakkan penuaan	2
11. Minuman berherba dapat merawat pelbagai penyakit seperti diabetes, kolesterol dan tekanan darah tinggi.	2
<b>Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]</b>	
1. Harga minuman berfungsi mahal	2
2. Produk minuman berfungsi diragui dari aspek kandungan/bahan kimia	2
3. Diragui tidak mendapat pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia	2
4. Sukar didapati/diperoleh kerana bertumpu di kawasan bandar/pasar raya	2
5. Kurang kesedaran kepentingan/kebaikan minuman berfungsi	2
6. Dikhuatiri memberi kesan sampingan/mengancam keselamatan	2
<b>Kesimpulan [2 markah]</b>	
K1 Kesimpulannya, semua pihak haruslah menggalakkan pengambilan minuman berfungsi supaya melahirkan masyarakat yang sihat.	2
K2 Kesimpulannya, semua pihak haruslah menggalakkan pengambilan minuman berfungsi.	1
K3 Kesimpulannya, terdapat pelbagai kebaikan pengambilan minuman berfungsi kepada masyarakat	0

**[Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima]**

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota:**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

**Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum****Markah****(i) Maksud**

- pantas/cepat maju/meluas 2
- pesat maju/meluas 1
- pantas/cepat berkembang 1

**[Maksimum: 2 markah]****(ii) Faktor-faktor:**

- P1- mesra pengguna
- P2- memenuhi permintaan pengguna dari segi kandungan, saiz, bentuk dan rupa
- P3- mudah diedarkan dan disimpan oleh pengguna

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Peranan media massa:**

- P1- kempen kesedaran kepentingan minuman berfungsi melalui media cetak/media elektronik/media sosial
- P2- menjemput doktor/pakar pemakanan melalui program televisyen/radio
- P3- media massa mengadakan promosi/jerayawara/minuman berfungsi di tempat awam/pasar raya dan program televisyen seperti Jom Heboh
- P4- media massa menyiarkan rancangan/dokumentasi tentang minuman berfungsi
- P5- mewujudkan rancangan khas/segmen khas untuk promosi minuman berfungsi seperti rancangan Wanita Hari Ini

**[Maksimum: 4 markah]****[Isi cukup: 3 isi]****Hukum 1 :****3 isi tanpa huraian = 4 markah****Hukum 2 :****Isi dan huraian = 2 markah****Maksimum = 2 isi**

**Soalan 2 (b) : Petikan Drama****(i) Ibu berasa malu :**

- P1- Azmir menjadi orang putih 1  
 P2- Azmir tidak mahu menjadi orang Melayu lagi 1  
 P3- orang menyatakan Azmir/anaknya gila 1

**[Maksimum: 2 markah]****(ii) Cara ibu bapa :**

- P1- merujuk doktor pakar/doktor swasta/bomoh/rawatan tradisional/rawatan Islam  
 P2- membawa anak berjumpa pakar psikiatri/kaunselor  
 P3- mendampingi anak/menjadi pendengar semasa anak mencurah perasaan/masalah  
 P4- memberikan kasih sayang secukupnya

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Persoalan dalam drama :****P1- Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak**

Huraian: Ibu bapa Azmir telah memberikan pelajaran kepadanya sehingga ke universiti  
 [1 + 1]

**P2- Keprihatinan dalam kalangan masyarakat**

Huraian: Pelakon I dan Pelakon II mengajak ibu bapa Azmir memberikan perhatian dan kasih sayang bukan cemuhan dan penghinaan kerana Azmir memerlukan semangat dan perangsang daripada mereka.  
 [1 + 1]

**Persoalan dalam keseluruhan drama :****P1- Kasih sayang dalam keluarga**

Huraian : Azmir kurang mendapat kasih sayang daripada ibu bapanya sehingga dia menderita menanggung kesakitan seorang diri di wad gila. [1+ 1]

**P2- Sikap doktor yang tidak prihatin**

Huraian : Doktor tidak melakukan rawatan yang terperinci dengan mengesahkan Azmir gila hanya melihat Azmir menghantukkan kepala di dinding tanpa membuat pemeriksaan dengan teliti. [1 + 1]

**P3- Percintaan dalam kalangan anak muda**

Huraian : Azmir sangat mencintai Ani sejak di universiti dan masih mencintai Ani sehingga ke akhir hayatnya. [1 + 1]

**P4- Kesetiaan dalam perhubungan**

Huraian : Azmir mempertikai kesetiaan Ani terhadapnya kerana Ani tidak mempercayai kesakitan yang ditanggungnya. [1 + 1]

**[Maksimum: 4 markah]**

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional****(i) Maksud**

- semakin/kian bekerjasama/erat/berbaik-baik

2

**[Maksimum: 2 markah]****(ii) Tindakan Sultan**

- P1- menceraikan Tun Kudu serta merta
- P2- dihantar ke rumah Paduka Raja
- P3- diberi belanja
- P4- dititah berkahwin dengan Seri Nara Diraja

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Usaha-usaha**

- P1- mengadakan perbincangan/rundingan/musyawahar
- P2- menggunakan orang tengah untuk mendamaikan mereka
- P3- sultan memujuk kedua-dua pembesar supaya bertoleransi
- P4- menawarkan ganjaran/tanah jajahan/pangkat/mengurniakan gelaran

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]**

**Soalan 2 (d) : Sajak****(i) Sebab-sebab**

- P1- pewaris yang menggalas amanah/tanggungjawab 1  
 P2- mencapai kecemerlangan di peringkat tertinggi 1  
 P3- memacu kejayaan demi maruah dan harga jati diri 1  
 P4- membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati 1

**[Maksimum: 2 markah]****(ii) Tanggungjawab golongan muda**

- P1- mematuhi undang-undang negara  
 P2- memiliki semangat patriotik yang tinggi/jati diri teguh  
 P3- tidak memburuk-burukkan nama negara di media sosial/media massa  
 P4- tidak melibatkan diri dalam aktiviti keganasan/demonstrasi/rusuhan  
 P5- tidak membangkitkan isu sensitif antara kaum

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Dua nilai****P1- Nilai perpaduan (R1)**

Huraian : Perpaduan antara kaum dapat mengelakkan pertelingkahan/pegaduhan sesama sendiri.

[1 + 1]

**P2- Nilai patriotisme (R2)**

Huraian : Pendekar-pendekar terdahulu berjuang menuntut kemerdekaan dengan keringat dan air mata.

[1 + 1]

**P3- Nilai keberanian (R3)**

Huraian : Penyajak mengatakan bahawa pemimpin negara harus berani berjuang menangkis tohmahan pihak luar.

[1 + 1]

**P4- Nilai bertanggungjawab (R5)**

Huraian : Penyajak menyeru masyarakat agar bertanggungjawab memacu kecemerlangan negara sehingga menjadi negara yang harmoni dan dihormati.

[1 + 1]

**[Maksimum 4 markah]**



**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

**Jawapan 3(a)****(i) jemput; (sejemput)**

1. sebanyak yang dapat diambil dengan hujung jari
2. dialu-alu

**jemput-jemput;**

1. sejenis kuih (daripada adunan tepung, pisang dan gula yang dijemput sedikit-sedikit dan digoreng)

**(ii) jarang;**

1. tidak rapat, renggang, bersela-sela, tidak kedap (gigi, kain dan lain-lain)
2. tidak lebat, tidak padat (rambut)

**jarang-jarang;**

1. tidak sering, tidak kerap, tidak selalu, tidak lazim
2. sejenis daun herba (bayam rusa)

**(iii) halus;**

1. tidak besar (kasar), kecil-kecil
2. sangat kecil ukuran kelilingnya (berkenaan jarum, benang)
3. tidak kesat, lembut, licin
4. berbudi bahasa yang baik, beradab, bersopan-santun, budi pekerti
5. kelihatan elok dan rapi, sempurna
6. dengan teliti, dengan cermat atau hati-hati, secara terperinci
7. tidak dapat dilihat seperti roh (makhluk halus)

**halus-halus;**

- dengan meneliti segala butir yang berkaitan, dengan teliti secara terperinci

**[Maksimum : 6 markah]**

*[Lihat halaman sebelah*  
**SULIT**

**Jawapan 3(b)** Tukar cakap aktif kepada cakap pasif

- (i) Majlis rumah terbuka telah lama diadakan oleh masyarakat Malaysia apabila menyambut sesuatu perayaan.
- (ii) Pengalaman berkhemah perlu kamu kongsi dengan rakan yang lain.
- (iii) Muzium Negara dikunjungi oleh Persatuan Sejarah Negeri Perlis sebagai aktiviti tahunan mereka.

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(c)** Membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan

	Kesalahan ejaan		Kesalahan imbuhan	
i	aturcara	atur cara	terancang	dirancang
ii	disayangi	kesayangan	buffet	bufet
iii	pra-syarat	prasyarat	menyelamatkan	keselamatan

[Maksimum : 6 markah]

3(d)

	Kesalahan bahasa		Kesalahan istilah/kata	
i	banyak kapal-kapal	banyak kapal/kapal-kapal	berhenti	berlabuh
ii	Bahasa Melayu	bahasa Melayu	budayawan	cendekiawan / ilmuan
iii	di dalam	dalam	menganugerahkan	mengurniakan

[Maksimum : 6 markah]

**3(e) Peribahasa**

- (i) ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua
- (ii) sediakan payung sebelum hujan / mencegah lebih baik daripada mengubati
- (iii) seperti cendawan tumbuh selepas hujan

[Maksimum : 6 markah]

## Soalan 4

Markah penuh 15 markah

## Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan isi persoalan keberanian**.  
(iv) Beri 1 markah bagi setiap huraian/ccontoh yang lengkap/jelas bagi setiap persoalan.  
(v) Markah isi, maksimum 4 markah.  
(vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah.  
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
Baik : 3 markah  
Sederhana : 2 markah  
Lemah : 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri 1 markah untuk pernyataan **peristiwa ketabahan watak utama** bagi setiap novel.  
(iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap novel.  
(v) Markah isi, maksimum 6 markah. (maksimum 3 markah bagi setiap peristiwa ketabahan watak utama)  
(vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.  
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa .  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

**Soalan 4 (a) – Dua persoalan keberanian**

<b>Novel Jendela Menghadap Jalan</b>	<b>Novel Songket Berbenang Emas</b>
1. Keberanian mengambil risiko. Lili berani pergi ke rumah Che Jah melawat Haziq dan Rafik walaupun dia pernah diculik oleh mereka berdua.	1. Keberanian mengambil risiko. Peristiwa Dahlia berani keluar dari asrama untuk melawat ibunya Saleha di Hospital Permai. Dahlia berbuat demikian kerana terlalu merindui ibunya.
2. Keberanian dalam menyelesaikan masalah. Peristiwa Lili, Danel, dan Geetha berani menyelesaikan masalah kubah surau yang dihadapi oleh penduduk di Kampung Sentosa.	2. Keberanian untuk menyelamatkan diri daripada bahaya. Embong berani membunuh ular sawa yang membelitnya di kebun sawit di Kampung Parit Haji Kadir.
3. Keberanian menyelamatkan rakan. Danel berani menyelamatkan Lili yang diculik oleh Rafik dan Haziq.	3. Keberanian menyelamatkan orang yang ditimpa musibah. Dahlia berani menyelamatkan Said, anak Aton yang lemas di sungai berhampiran rumah Dahlia.

**Soalan 4 (b) – Satu peristiwa yang menunjukkan ketabahan watak utama.**

<b>Novel Jendela Menghadap Jalan</b>	<b>Novel Songket Berbenang Emas</b>
1. Peristiwa Lili membantu menyelesaikan konflik rumah tangga Che Jah. Lili tabah menempuh cabaran dalam usaha membantu Che Jah dan anak-anaknya daripada terus menjadi mangsa keganasan Seman yang sering memukul mereka.	1. Peristiwa Dahlia menuntut ilmu. Dahlia tabah menuntut ilmu walaupun hidup dalam kemiskinan dan menghadapi masalah keluarga seperti ibunya yang sakit dan ayahnya yang dipatuk ular.
2. Peristiwa Lili menyelesaikan isu kubah. Lili dan Danel tabah menempuh cabaran untuk menyelesaikan isu kubah yang menjadi konflik penduduk kampung sehingga mereka berpecah-belah.	2. Peristiwa Dahlia menguruskan adik-adiknya. Dahlia tabah memikul tanggungjawab menguruskan adik-adiknya terutama Anggerik yang masih kecil ketika ibu dan ayahnya dimasukkan ke hospital.
3. Peristiwa Lili diculik oleh Rafik dan Haziq. Lili tabah menerima dugaan apabila dia diculik oleh Rafik dan Haziq semasa dalam perjalanan pulang dari pekan. Dia tabah apabila dikurung di dalam pondok usang di hujung kampung.	3. Peristiwa Dahlia menerima penghinaan dan kejian daripada masyarakat sekeliling. Dahlia tabah menerima tuduhan Aton yang menuduhnya sengaja menyebabkan Said lemas di sungai.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**